



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Pentadbiran Kontrak Perunding**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>PK 3.10 PENTADBIRAN KONTRAK PERUNDING .....</b>	<b>2</b>
<b>1. Pendahuluan.....</b>	<b>2</b>
<b>2. Tatacara Pentadbiran Perjanjian Perunding.....</b>	<b>2</b>
<b>2.1. Arahan yang dikeluarkan oleh wakil Kerajaan (<i>Government Representative – GR</i>) .....</b>	<b>2</b>
<b>2.2. Kehadiran prinsipal firma di dalam mesyuarat/perbincangan yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan .....</b>	<b>3</b>
<b>2.3. Perkhidmatan Reka Bentuk Bagi Projek Pembangunan Fizikal.....</b>	<b>3</b>
<b>2.4. Kakitangan firma perunding.....</b>	<b>4</b>
<b>2.5. Insuran Tanggung Rugi Profesional (<i>Professional Indemnity Insurance – PII</i>) bagi perunding untuk semua Projek Pembangunan Fizikal.....</b>	<b>4</b>
<b>2.6. Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (<i>Liquidated Ascertained Damages - LAD</i>)5</b>	<b>5</b>
<b>2.7. Lanjutan tempoh masa perkhidmatan perunding (<i>Extension of Time - EOT</i>)... </b>	<b>6</b>
<b>2.8. Pelanjutan tempoh perjanjian perunding (<i>Extension Of Contract Period</i>).....</b>	<b>7</b>
<b>2.9. Menahan daripada membuat bayaran kepada perunding (<i>Withholding Payment</i>).....</b>	<b>7</b>
<b>2.10. Bayaran kepada perunding bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan.....</b>	<b>9</b>
<b>2.11. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian (<i>Dispute Resolution Committee – DRC</i>).....</b>	<b>9</b>
<b>2.12. Penamatan perkhidmatan perunding gagal melaksanakan obligasi perjanjian .....</b>	<b>11</b>

## PK 3.10 PENTADBIRAN KONTRAK PERUNDING

### 1. Pendahuluan

1.1. Bagi semua perolehan perunding tanpa mengira had nilai, Surat Setuju Terima (SST) hendaklah dikeluarkan dan disusuli dengan tandatangan dokumen perjanjian dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangani balas oleh perunding. Format dokumen perjanjian perunding adalah seperti berikut:

- 1.1.1. *Form CSA 2014 – Architectural (Amendment 2018)*;
- 1.1.2. *Form CSA 2014 – Engineering (Amendment 2018)*;
- 1.1.3. *Form CSA 2014 – Quantity Surveying (Amendment 2018)*; dan
- 1.1.4. *Form CSA 2014 – Research (Amendment 2018)*

1.2. Semua perjanjian ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Undang-Undang Agensi untuk semakan bagi memastikan ia tidak bercanggah dengan peraturan perolehan perkhidmatan perunding yang berkuat kuasa.

### 2. Tatacara Pentadbiran Perjanjian Perunding

#### 2.1. Arahan yang dikeluarkan oleh wakil Kerajaan (*Government Representative – GR*)

- 2.1.1. Agensi hendaklah terlebih dahulu mengenal pasti GR (perjanjian membenarkan bilangan GR melebihi seorang) yang boleh terdiri daripada Pegawai Pengawal atau pegawai lain yang kompeten dalam menyelia kerja perunding, mentadbir kontrak dan memahami keperluan projek/kajian yang dilaksanakan. GR adalah khusus di kalangan penjawat Awam sahaja.
- 2.1.2. Semua GR yang telah dikenalpasti hendaklah disenaraikan di dalam perjanjian perunding bertujuan memastikan semua arahan yang dikeluarkan kepada perunding adalah daripada GR tersebut sahaja. Ini adalah kerana hanya arahan daripada GR sahaja adalah sah dari segi perundangan.
- 2.1.3. GR hendaklah memastikan arahan yang dikeluarkan kepada perunding adalah arahan yang jelas dan tidak kerap berubah tanpa justifikasi yang kukuh, arahan yang mematuhi syarat-syarat perjanjian dan skop kerja perunding.
- 2.1.4. Semua arahan yang dikeluarkan oleh Agensi kepada perunding terutamanya arahan secara lisan hendaklah dengan segera disusuli dengan surat rasmi oleh GR tidak melebihi tujuh (7) hari bekerja dan direkodkan di dalam fail projek berkaitan.
- 2.1.5. Semua arahan yang dikeluarkan oleh GR kepada perunding di dalam mesyuarat hendaklah dengan segera diminitkan dan minit mesyuarat hendaklah disahkan oleh Pengerusi mesyuarat

dan wakil syarikat perunding yang hadir dalam tempoh tidak melebihi tujuh (7) hari bekerja serta direkodkan di dalam fail projek berkaitan.

## **2.2. Kehadiran prinsipal firma di dalam mesyuarat/perbincangan yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan**

- 2.2.1. Bagi mesyuarat/perbincangan yang memerlukan kehadiran perunding (sama ada Prinsipal atau wakil), Agensi hendaklah mengeluarkan surat panggilan/emel secara rasmi dengan lebih awal dalam tempoh minimum lima (5) hari bekerja kepada perunding bagi mengelakkan berlakunya ketidakhadiran perunding di dalam mesyuarat/ perbincangan tersebut.
- 2.2.2. Sekiranya Prinsipal tidak dapat menghadiri mesyuarat/perbincangan di atas alasan yang munasabah, Agensi hendaklah memaklumkan kepada Prinsipal bahawa beliau hendaklah mewakilkan pegawai dalam kalangan ahli pasukan projek (pegawai tersebut telah dinamakan di dalam perjanjian) seorang yang kompeten, boleh menjawab persoalan atau isu yang dibangkitkan dan boleh membuat keputusan. Wakil Prinsipal tersebut hendaklah merupakan wakil tetap di dalam mesyuarat/perbincangan yang diadakan sepanjang pelaksanaan projek/kajian bertujuan mengelakkan Prinsipal diwakili pegawai yang berbeza setiap masa mesyuarat/perbincangan diadakan.

## **2.3. Perkhidmatan Reka Bentuk Bagi Projek Pembangunan Fizikal**

- 2.3.1. Agensi hendaklah memastikan semua reka bentuk pengiraan, lukisan dan dokumen berkaitan ditandatangani oleh hanya Pemilik firma perunding memandangkan ianya adalah terletak di bawah tanggungjawab pemilik firma yang memiliki kelulusan profesional yang ditetapkan.
- 2.3.2. Sebarang arahan yang perlu dikeluarkan oleh perunding atau apa-apa pindaan yang perlu dibuat ke atas lukisan/brief projek/lain-lain dokumen berkaitan sama ada melibatkan pertambahan kos atau tidak, hendaklah mendapat kelulusan daripada Agensi terlebih dahulu. Perunding tidak dibenarkan sama sekali mengeluarkan arahan atau membuat apa-apa pindaan tanpa kebenaran awal daripada Agensi selaras dengan pematuhan ke atas klausa 5.5(c) hingga (g) di dalam perjanjian perkhidmatan perunding yang baharu.
- 2.3.3. Agensi dibenarkan untuk mendapatkan remedi daripada kecacatan (*defect*), kesilapan (*fault*) dan kekurangan (*insufficiency/ inadequacy*) yang disebabkan oleh rekabentuk perunding ketika perkara-perkara tersebut disahkan berlaku. Remedi tersebut boleh dilakukan seperti berikut:

- (a) Penolakan sejumlah wang yang ditentukan oleh GR daripada harga kontrak perunding; dan
- (b) Sekiranya penolakan daripada harga kontrak tersebut tidak dapat dilaksanakan disebabkan baki bayaran tidak mencukupi, remedi boleh diperolehi daripada Insuran Tanggung Rugi Profesional (*Professional Indemnity Insurance – PII*) yang diambil oleh firma perunding.

#### **2.4. Kakitangan firma perunding**

- 2.4.1. Agensi hendaklah memastikan semua kakitangan perunding yang terlibat sama ada di dalam projek pembangunan fizikal mahupun kajian Kerajaan telah dikenalpasti dan dinamakan sebelum perjanjian ditandatangani bagi memastikan hanya kakitangan yang berkelayakan, berkeupayaan dan berpengalaman sahaja telah dipilih oleh firma perunding yang dilantik oleh Agensi.
- 2.4.2. Bagi memastikan kelancaran projek, sekiranya terdapat kakitangan perunding yang terpaksa digantikan dengan kakitangan lain disebabkan perkara yang tidak dapat dielakkan, GR adalah diberi kuasa untuk meluluskan penggantian kakitangan tersebut tertakluk kakitangan yang digantikan hendaklah mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sama atau lebih tinggi sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam perjanjian tanpa melibatkan sebarang kos tambahan kepada Kerajaan.
- 2.4.3. Agensi berhak memotong bayaran perkhidmatan perunding sekiranya pengganti yang diberikan oleh perunding adalah berkelayakan dan berpengalaman lebih rendah daripada tawaran perunding yang telah dipersetujui di dalam perjanjian tertakluk penggantian ini telah mendapat kebenaran daripada GR terlebih dahulu. GR hendaklah memastikan pengganti tersebut walaupun berkelayakan dan berpengalaman lebih rendah adalah masih kompeten dalam melaksanakan skop kerjanya.
- 2.4.4. Agensi juga berhak memotong bayaran perkhidmatan perunding sekiranya didapati bilangan kakitangan pasukan perunding sebagaimana yang dipersetujui di dalam perjanjian adalah tidak mencukupi dalam tempoh pelaksanaan projek.

#### **2.5. Insuran Tanggung Rugi Profesional (*Professional Indemnity Insurance – PII*) bagi perunding untuk semua Projek Pembangunan Fizikal**

- 2.5.1. Agensi hendaklah memastikan perunding yang dilantik telah pun mengambil atau mempunyai insuran tanggung rugi profesional (PII) sebagai sekuriti kepada Kerajaan bagi

melindungi daripada segala liabiliti yang disebabkan kecuaiian atau kesilapan firma, rakan kongsinya dan kakitangannya semasa memberikan perkhidmatan perundingan bagi projek pembangunan fizikal terutamanya di dalam rekabentuk mahupun apa-apa pandangan/nasihat yang diberikan.

- 2.5.2. Kos untuk menyelia PII adalah ditanggung sendiri oleh perunding dan tidak boleh disenaraikan di dalam butiran kos perunding memandangkan adalah menjadi tanggungjawab semua profesional untuk mengambil insuran ini sebagai jaminan ke atas kepakaran yang diberikan.
- 2.5.3. Tempoh sah laku PII tersebut hendaklah turut meliputi tempoh minimum 12 bulan selepas *Defect Liability Period* tamat.
- 2.5.4. Memandangkan perkara ini dinyatakan sebagai salah satu syarat mandatori di dalam klausa perjanjian piawai perunding ini, Agensi bertanggungjawab untuk memastikan perkara ini dinyatakan secara jelas di dalam kriteria pemilihan perunding, syarat pelawaan/ tender dan syarat lantikan.

## 2.6. Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (*Liquidated Ascertained Damages - LAD*)

- 2.6.1. Agensi hendaklah memastikan pengenaan LAD ke atas perunding dilaksanakan sekiranya berlaku perkara-perkara berikut:
  - (a) Perunding gagal menepati tarikh penyerahan akhir setiap *deliverables* yang telah dipersetujui di dalam perjanjian perunding; dan
  - (b) Kelewatan/ kegagalan perunding menepati tarikh serahan akhir yang ditetapkan terbukti adalah disebabkan oleh pihak perunding sahaja dan tidak turut melibatkan kelewatan di pihak Agensi.
- 2.6.2. Pengenaan LAD ke atas perunding adalah bagi kelewatan penyerahan *deliverables* pada peringkat perkhidmatan seperti berikut:
  - (a) Projek pembangunan fizikal – setiap peringkat sehingga sebelum peringkat pembinaan bermula; dan
  - (b) Kajian - setiap peringkat sehingga penutupan akaun.
- 2.6.3. Bagi memastikan pengenaan LAD dapat dikuat kuasakan melalui perjanjian perunding, Agensi hendaklah menyenaraikan semua aktiviti secara terperinci mengikut *deliverables* di setiap peringkat perkhidmatan yang akan dilaksanakan oleh perunding. Agensi tidak dibenarkan untuk sekadar meletakkan

jangka tempoh sahaja di setiap *deliverables* yang ditetapkan sebaliknya hendaklah menyatakan dengan jelas tarikh serahan akhir setiap *deliverables* tersebut.

- 2.6.4. Berdasarkan jadual *deliverables* yang ditetapkan di dalam perjanjian, GR hendaklah mengeluarkan arahan rasmi kepada perunding sekurang-kurangnya seminggu lebih awal daripada tarikh serahan akhir setiap *deliverables* untuk mendapatkan maklumat terkini kemajuan kerja perunding (*work progress*). Ini adalah bertujuan untuk membolehkan GR membuat pertimbangan sekiranya LAD perlu dikenakan atau EOT wajar diberikan berdasarkan maklum balas yang dikemukakan oleh perunding.
- 2.6.5. Pengenaan LAD kepada firma adalah dibuat melalui pemotongan bayaran kemajuan perkhidmatan perunding berdasarkan formula yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti berikut:

$$\text{LAD} = \frac{\text{Base Lending Rate} \times \text{Consulting Fees}}{100 \times 365}$$

**(subject to a minimum of RM100 per day)**

- 2.6.6. Agensi tidak boleh menimbang apa-apa formula lain atau cara pengiraan lain di dalam penentuan LAD kepada firma. Formula di perenggan 2.6.5 di atas hendaklah dipatuhi sama ada oleh Agensi mahupun firma.

## **2.7. Lanjutan tempoh masa perkhidmatan perunding (*Extension of Time - EOT*)**

- 2.7.1. EOT hanya boleh dipertimbangkan oleh Agensi bagi perkara-perkara berikut sahaja:
- (a) Sekiranya pihak perunding telah menghadapi kelewatan yang disebabkan oleh Agensi antaranya di dalam mendapatkan maklumat atau pengesahan/ persetujuan ke atas maklumat yang dikemukakan oleh perunding kepada individu/jawatankuasa di Agensi berdasarkan tarikh serahan *deliverables* yang telah dipersetujui di dalam perjanjian; dan
  - (b) Sekiranya terdapat arahan rasmi daripada GR untuk menangguhkan kesemua/ sebahagian daripada perkhidmatan yang ditetapkan di dalam perjanjian yang telah menyebabkan kelewatan di pihak perunding.
- 2.7.2. Sekiranya kelewatan terbukti adalah disebabkan oleh pihak perunding sahaja dan tidak turut melibatkan kelewatan di pihak Agensi, Agensi hendaklah mengambil tindakan pengenaan LAD

ke atas perunding selaras dengan peruntukan di dalam perjanjian.

**2.8. Pelanjutan tempoh perjanjian perunding (*Extension Of Contract Period*)**

- 2.8.1. Berdasarkan jadual pelaksanaan kerja yang ditetapkan di dalam perjanjian, sekiranya didapati kemajuan kerja perunding mengalami kelewatan dan dikhuatiri tidak dapat diselesaikan dalam tempoh perjanjian, Agensi hendaklah membuat semakan semula ke atas jadual pelaksanaan kerja perunding untuk menentukan sama ada terdapat keperluan pelanjutan tempoh perjanjian perunding.
- 2.8.2. Sekiranya perjanjian perunding perlu dilanjutkan, Agensi hendaklah memastikan sebarang permohonan berkaitan dengannya dikemukakan lebih awal bagi memastikan kelulusan pelanjutan tempoh perjanjian oleh Pihak Berkuasa Melulus dan rundingan terma/syarat perjanjian tambahan dapat diselesaikan sebelum tarikh tamat perjanjian.
- 2.8.3. Agensi hendaklah memastikan bahawa perlanjutan tempoh perjanjian perunding dilaksanakan semasa perjanjian perunding sedia ada masih sah berkuat kuasa.
- 2.8.4. Sekiranya terdapat permohonan pelanjutan tempoh kontrak bagi perkhidmatan perunding setelah kontrak tamat, ianya hendaklah dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan Pegawai Pengawal. Pegawai Pengawal hendaklah mendapatkan nasihat daripada Penasihat Undang-Undang dan mengambil tanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat.

**2.9. Menahan daripada membuat bayaran kepada perunding (*Withholding Payment*)**

- 2.9.1. Agensi berhak menahan daripada membuat bayaran kepada perunding sekiranya berlaku perkara-perkara berikut :
- (a) Perunding melanggar terma dan syarat perjanjian.

Contoh:

- (i). gagal memperbaharui pendaftaran dengan Kementerian Kewangan/ Lembaga Profesional dalam tempoh perjanjian masih berkuat kuasa.
- (ii). membocorkan/ berkongsi maklumat Kerajaan kepada pihak ketiga tanpa kebenaran Agensi.



- (b) Agensi telah mendapati bahawa bayaran yang telah dibuat kepada perunding sebelum ini adalah tidak setimpal dengan kerja yang telah dilaksanakan.

Contoh:

Payment of fees for Basic Services (Architecture)

<u>Upon completion of each phase</u>	<u>Percentage of total fee payable</u>
Design Development Phase (6 months)	5% monthly until month 6

Senario:

Agensi telah membuat pembayaran sehingga bulan keempat iaitu sebanyak 20% mengikut *Schedule of Payment* sedangkan didapati kemajuan kerja rekabentuk oleh perunding adalah hanya setakat 13 - 15% sahaja. Sehubungan itu, bagi bayaran seterusnya, Agensi berhak menahan bayaran sehingga perunding mencapai kemajuan kerja sebanyak 20%.

- (c) Apa-apa keadaan/situasi, pada pandangan Agensi yang boleh mengganggu kelancaran pelaksanaan projek.

Contoh:

- (i). Kakitangan perunding gagal hadir bertugas dalam tempoh yang munasabah atau tanpa kebenaran GR dan tanpa sebarang penggantian yang seterusnya mengakibatkan kelewatan projek/kajian.
  - (ii). Kegagalan perunding untuk menyempurnakan kerja/perkhidmatan berdasarkan keperluan yang telah ditetapkan oleh Agensi.
- (d) Kegagalan perunding untuk menyempurnakan kerja/perkhidmatan berdasarkan keperluan yang telah ditetapkan oleh Agensi.

Contoh:

- (i). Perunding gagal menyempurnakan laporan interim mengikut tahap yang dipersetujui oleh Agensi walaupun telah berulang kali diberi teguran dan cadangan penambahbaikan.
- (ii). Perunding lewat mendapatkan kelulusan PBT kerana kurang memahami keperluan teknikal dan prosidur permohonan yang ditetapkan oleh PBT.

2.9.2. Walau bagaimanapun, perunding adalah dibenarkan untuk membuat rayuan ke atas penahanan bayaran tersebut dengan syarat perunding mengemukakan dokumen dan bukti untuk menyokong bayaran tersebut. Penahanan bayaran yang disebabkan oleh Perenggan 2.9.1(d) di atas, Agensi hendaklah memastikan perunding terlebih dahulu memenuhi keperluan/kriteria yang ditetapkan bagi *deliverables* yang berkenaan sebelum penahanan bayaran dipertimbangkan untuk ditarik balik.

## **2.10. Bayaran kepada perunding bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan**

2.10.1. Agensi hendaklah memastikan bayaran kepada perunding adalah dibuat mengikut kemajuan kerja sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam perjanjian tertakluk perkhidmatan yang diberikan oleh perunding telah selesai dilaksanakan mengikut kemajuan kerja dan hasil kerja adalah memenuhi keperluan/kriteria yang ditetapkan oleh Agensi. Bayaran yang dibuat secara teratur akan memastikan Agensi mendapatkan kerjasama sebaik-baiknya daripada pihak perunding terutamanya sewaktu projek adalah di peringkat pembinaan.

2.10.2. Bayaran kepada perunding hanya boleh dibuat apabila perjanjian telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Sehubungan itu, Agensi dan perunding dikehendaki menegerakan untuk menandatangani perjanjian bagi mengelakkan masalah pembayaran. Memandangkan perjanjian piawai ini akan dikuatkuasakan penggunaannya bagi semua projek pembangunan fizikal dan kajian Kerajaan, sewajarnya tiada kelewatan di pihak Agensi atau perunding untuk menandatangani perjanjian dengan segera.

## **2.11. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian (*Dispute Resolution Committee – DRC*)**

2.11.1. Agensi hendaklah menubuhkan satu jawatankuasa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak bagi membincangkan dan menyelesaikan sebarang pertikaian yang timbul antara perunding dengan Agensi sepanjang pelaksanaan projek pembangunan fizikal/kajian termasuk perkara berkaitan LAD selaras dengan peruntukan di dalam perjanjian perunding. Kaedah pelantikan keahlian dan terma rujukan bagi DRC hendaklah disediakan oleh Agensi sebelum DRC bersidang.

- 2.11.2. DRC hendaklah terdiri daripada keahlian seperti berikut:
- (a) Pengerusi**
- (i) Kementerian:
    - Timbalan Ketua Setiausaha; atau
  - (ii) Jabatan di bawah seliaan Kementerian [ kecuali Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) ]:
    - Ketua Jabatan; atau
  - (iii) JKR dan JPS:
    - Timbalan Ketua Pengarah; atau
  - (iv) Jabatan Perdana Menteri:
    - Timbalan Ketua Setiausaha (selain Timbalan Ketua Setiausaha Kanan).
- (b) Ahli**
- (i) Seorang (1) wakil daripada pihak Agensi yang terlibat/ mempunyai pengetahuan mengenai projek pembangunan fizikal/ kajian yang terlibat; dan
  - (ii) Seorang (1) wakil daripada pihak perunding.
- 2.11.3. Keanggotaan DRC seperti di perenggan 2.11.2 hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan ahli yang berbeza daripada keanggotaan *Contract Cordination Panel* (CCP) selaras dengan pematuhan ke atas 1PP/PK 4.4.
- 2.11.4. Bagi memastikan perbincangan, tindakan dan cadangan penyelesaian yang akan diambil adalah selaras dengan peruntukan klausa di dalam perjanjian, Agensi hendaklah mendapatkan nasihat dan pandangan daripada Bahagian Undang-Undang (BUU) Agensi masing-masing. Pengerusi DRC boleh sama ada meminta kehadiran wakil daripada BUU masing-masing sebagai Ahli Jemputan di dalam DRC atau mendapatkan ulasan daripada BUU sebelum atau selepas mesyuarat DRC bersidang bagi sesuatu perkara yang akan/ telah dibincangkan supaya apa-apa keputusan yang dibuat adalah selaras dengan perundangan yang berkuat kuasa.
- 2.11.5. Sekiranya pertikaian yang dibawa tidak dapat diselesaikan diperingkat DRC atau perunding tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat, pertikaian tersebut hendaklah dibawa ke CCP. Sekiranya persetujuan bersama masih tidak dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan, pertikaian hendaklah seterusnya di bawa ke Timbang Tara (*Arbitration*).

## 2.12. Penamatan perkhidmatan perunding gagal melaksanakan obligasi perjanjian

2.12.1. Agensi berhak mengambil tindakan menamatkan perkhidmatan perunding sekiranya perunding melakukan perkara-perkara berikut tanpa justifikasi yang munasabah:

- (a) Menangguhkan pelaksanaan perkhidmatan dan gagal meneruskan kerja dengan tekun sebagaimana obligasi perunding di dalam perjanjian;

Contoh:

- (i). Perunding telah menangguhkan penyediaan Laporan Awal bagi kajian yang dilaksanakannya dan gagal menyiapkan laporan tersebut sebagaimana dikehendaki oleh Agensi.

- (b) Gagal melaksanakan semua/ sebahagian perkhidmatan atau secara berterusan mengabaikan obligasi perunding di bawah perjanjian;

Contoh:

- (i). Perunding tidak melaksanakan kerja pengawasan tapak yang merupakan skop perkhidmatan yang dikehendaki oleh Agensi di dalam perjanjian.

- (c) Kemungkiran melaksanakan tanggungjawab perunding iaitu tidak memberikan perkhidmatan secara profesional, kompeten, berhati-hati dan tekun sepanjang masa;

Contoh:

- (i). Perunding memperakukan tuntutan bayaran oleh kontraktor pembinaan bagi kuantiti bahan binaan melebihi daripada kuantiti sebenar yang berada di tapak pembinaan.

- (d) Obligasi yang dilaksanakan oleh perunding tidak menepati kehendak Agensi atau gagal mematuhi terma/ syarat yang lain di dalam perjanjian.

Contoh:

- (i). Perunding menggantikan kakitangan yang terlibat dalam pasukan kajian tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pihak Kerajaan.

2.12.2. Walau bagaimanapun, penamatan perkhidmatan perunding hendaklah mengikut kaedah atau tatacara yang telah diperuntukkan di dalam perjanjian perunding.